



30 September 2024  
30 September 2024  
P.U. (A) 262

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PRODUK  
MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM  
(PENDAFTARAN PRODUK TEMBAKAU, BAHAN  
MEROKOK DAN PRODUK PENGGANTI TEMBAKAU) 2024

*CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH  
(REGISTRATION OF TOBACCO PRODUCT, SMOKING  
SUBSTANCE AND SUBSTITUTE TOBACCO PRODUCT)  
REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM  
(PENDAFTARAN PRODUK TEMBAKAU, BAHAN MEROKOK DAN PRODUK PENGGANTI  
TEMBAKAU) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 53(2) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pendaftaran Produk Tembakau, Bahan Merokok dan Produk Pengganti Tembakau) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024.

**Permohonan bagi pendaftaran**

2. (1) Permohonan bagi pendaftaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau di bawah seksyen 4 Akta hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan—

(a) pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam peraturan 4;

(b) laporan analisis makmal yang dijalankan oleh makmal yang diluluskan terhadap produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau;

(c) ringkasan laporan analisis makmal yang dirujuk dalam perenggan (b) dalam borang sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual;

- (d) cara gaya produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau itu; dan
- (e) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki Ketua Pengarah untuk mengesahkan identiti pemohon dan mengenal pasti tujuan pendaftaran.

(3) Semasa mempertimbangkan permohonan yang disebut dalam subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh menghendaki pemohon itu untuk mengemukakan sampel produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang hendak didaftarkan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah.

(4) Permohonan hendaklah dianggap telah ditarik balik jika pemohon tidak mematuhi kehendak di bawah subperaturan (1), (2) dan (3).

(5) Ketua Pengarah boleh, selepas mempertimbangkan permohonan bagi pendaftaran—

- (a) meluluskan permohonan itu, dengan atau tanpa syarat, secara bertulis dan mengeluarkan dokumen pendaftaran kepada pemohon; atau
- (b) menolak permohonan itu secara bertulis.

### **Permohonan berasingan**

3. Jika produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau boleh dibezakan oleh sebab bau, perisa, saiz, bentuk, sebatian, bahan, proses pengilangan atau lokasi pengilang, permohonan berasingan bagi pendaftaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibuat mengikut peraturan 2.

**Fi pendaftaran**

4. Fi bagi setiap permohonan bagi pendaftaran produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau ialah lima ribu ringgit.

**Pemberitahuan oleh pengimport atau pengilang berikutnya selepas pendaftaran**

5. (1) Mana-mana orang yang berniat untuk mengimport atau mengilang produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau yang telah didaftarkan oleh orang lain hendaklah, sebelum mengimport atau mengilang produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau itu, memberitahu Ketua Pengarah mengenai niatnya untuk mengimport atau mengilang produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau tersebut dalam bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Setelah menerima pemberitahuan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh menghendaki orang yang memberi pemberitahuan dan orang yang di bawahnya produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau itu didaftarkan untuk mengemukakan maklumat dan dokumen yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah untuk menentukan kebenaran pemberitahuan itu.

(3) Jika Ketua Pengarah berpuas hati dengan kebenaran pemberitahuan itu, Ketua Pengarah boleh menyebabkan maklumat orang yang memberi pemberitahuan dan tujuan pemberitahuan untuk direkodkan dalam daftar produk tembakau, bahan merokok atau produk pengganti tembakau dan memaklumkan orang itu mengenai rekod tersebut secara bertulis.

**Pemberitahuan perubahan dalam butir-butir perhubungan**

6. (1) Mana-mana orang yang pendaftarannya diluluskan hendaklah memberitahu Ketua Pengarah mengenai apa-apa perubahan dalam nama, alamat atau butir-butir perhubungan lain orang itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu.

(2) Setelah menerima pemberitahuan di bawah subperaturan (1), Ketua Pengarah boleh menghendaki orang itu untuk mengemukakan maklumat lanjut

yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah untuk memastikan ketepatan maklumat yang disimpan dalam daftar.

(3) Ketua Pengarah boleh mengeluarkan dokumen pendaftaran baharu yang menunjukkan perubahan dalam nama, alamat atau butir-butir perhubungan lain orang itu jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pengeluaran itu adalah perlu untuk mengelakkan salah nyata atau kekeliruan.

**Pendaftaran tidak boleh dipindahkan**

7. Pendaftaran atau dokumen pendaftaran yang dikeluarkan bukan suatu harta dan tidak boleh dipindahkan atau diserahkan.

JADUAL  
[Perenggan 2(2)(c)]

AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024 [AKTA 852]

RINGKASAN LAPORAN ANALISIS MAKMAL

(1) No.	(2) Analisis parameter	(3) Butiran (unit)
<b>A. Ciri-ciri produk</b>		
1.	Rod penapis*	mm
2.	Lebar tip*	mm
3.	Panjang rod*	mm
4.	Diameter rod*	mm
5.	Ventilasi penapis*	%
6.	<i>Plug wrap (porous/non-porous)*</i>	cu
7.	Jenis dan peratusan tembakau yang digunakan **	%
8.	Berat bersih tembakau**	mg/batang
9.	Jenis produk pengganti tembakau yang digunakan ***	
10.	Berat bersih produk pengganti tembakau***	mg/batang
11.	Reka bentuk khas/ciri-ciri (contohnya penapis arang, kapsul, dll.)	
<b>B. Kandungan</b>		
12.	Nikotin	mg/g (mg/ml)
13.	Ammonia	mg/g (mg/ml)
14.	Humektan	
	(a) <i>Propylene glycol</i>	mg/g (mg/ml)
	(b) <i>Vegetable glycerol</i>	mg/g (mg/ml)
	(c) <i>Triethylene glycol</i>	mg/g (mg/ml)
	(d) nisbah <i>Propylene glycol: Vegetable glycerol</i>	
15.	Mentol	mg/g (mg/ml)
16.	Perisa/Agen perisa dan beratnya: (nyatakan sebatian kimia yang digunakan, jika ada)	mg/g (mg/ml)
17.	Gula (nyatakan sebatian kimia yang digunakan, jika ada)	mg/g (mg/ml)
18.	Sebatian kimia yang lain (nyatakan, jika ada)	mg/g (mg/ml)
<b>C. Pelepasan</b>		
19.	Tar (tidak melebihi 10 mg/cig)	mg/cig
20.	Nikotin (tidak melebihi 1mg/cig)	mg/cig
21.	Karbon monoksida (tidak melebihi 10mg/cig)	mg/cig
22.	<i>Nitrosamines</i> khusus bagi tembakau ( <i>TSNAs</i> )	
	(a) <i>N-nitrosornicotine (NNN)</i>	ng/cig
	(b) <i>4-(methylnitrosamino)-1-(3-pyridyl)-1-butanone (NNK)</i>	ng/cig

	(c) TSNA yang lain (nyatakan, jika ada)	ng/cig
23.	<i>Polycyclic aromatic hydrocarbon</i>	
	(a) <i>Benzo[a]pyrene</i>	ng/cig
	(b) <i>Polycyclic aromatic hydrocarbons</i> yang lain (nyatakan, jika ada)	ng/cig
24.	<i>Aldehydes</i>	
	(a) <i>Acetaldehyde</i>	µg/cig
	(b) <i>Acrolein</i>	µg/cig
	(c) <i>Formaldehyde</i>	µg/cig
	(d) <i>Aldehydes</i> yang lain (nyatakan, jika ada)	µg/cig
25.	Hidrokarbon	
	(a) <i>Benzene</i>	µg/cig
	(b) <i>1,3-butadiene</i>	µg/cig
	(c) Hidrokarbon yang lain (nyatakan, jika ada)	µg/cig
26.	Sebatian kimia yang lain (nyatakan, jika ada)	mg/cig (µg/cig) (ng/cig)
<b>D. Maklumat mengenai entiti yang menyediakan laporan analisis makmal</b>		
27.	Nama makmal	
28.	Orang yang menjalankan analisis	
29.	Orang yang mengesahkan hasil analisis	
30.	Tarikh laporan	

\*Terpakai bagi produk tembakau atau produk pengganti tembakau dalam bentuk rod sahaja

\*\*Terpakai bagi produk tembakau sahaja

\*\*\*Terpakai bagi produk pengganti tembakau sahaja

Dibuat 26 September 2024

[KKM.600-1/1/63 JLD3 (64); PN(PU2)770]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Menteri Kesihatan*

CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH ACT 2024

CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH (REGISTRATION OF  
TOBACCO PRODUCT, SMOKING SUBSTANCE AND SUBSTITUTE TOBACCO PRODUCT)  
REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 53(2) of the Control of Smoking Products For Public Health Act 2024 [*Act 852*], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Control of Smoking Products For Public Health (Registration of Tobacco Product, Smoking Substance and Substitute Tobacco Product) Regulations 2024**.

(2) These Regulations shall come into operation on 1 October 2024.

**Application for registration**

2. (1) An application for the registration of a tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product under section 4 of the Act shall be made in the form as determined by the Director General.

(2) The application referred to in subregulation (1) shall be accompanied by—

(a) payment of the fee as specified in regulation 4;

(b) a report of laboratory analysis carried out by an approved laboratory on the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product;

(c) a summary of the laboratory analysis report referred to in paragraph (b) in the form as specified in the Schedule;

(d) the get-up of the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product; and

(e) any other document as the Director General may require to verify the identity of the applicant and identify the purposes of registration.

(3) In considering an application referred to in subregulation (1), the Director General may require the applicant to furnish a sample of the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product sought to be registered within any period as specified by the Director General.

(4) An application shall be deemed to have been withdrawn if the applicant fails to comply with the requirements under subregulations (1), (2) and (3).

(5) The Director General may, after considering the application for registration—

(a) approve the application, with or without condition, in writing and issue a registration document to the applicant; or

(b) reject the application in writing.

### **Separate application**

3. Where a tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product is distinguishable by reason of its smell, flavour, size, form, blend, ingredients, manufacturing process or location of manufacture, a separate application for the registration of the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product, as the case may be, shall be made in accordance with regulation 2.

### **Registration fee**

4. The fee for each application for the registration of tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product is five thousand ringgit.

**Notification by subsequent importer or manufacturer after registration**

5. (1) Any person who intends to import or manufacture a tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product which has been registered by another person shall, prior to importing or manufacturing the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product, notify the Director General of his intention to import or manufacture the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product in the form as determined by the Director General.

(2) Upon receiving a notification under subregulation (1), the Director General may require the person who gives the notification and the person under whom the tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product is registered to furnish information and documents as the Director General deems necessary to determine the veracity of the notification.

(3) If the Director General is satisfied with the veracity of the notification, the Director General may cause the information of the person giving the notification and the purpose of notification to be recorded in the register of tobacco product, smoking substance or substitute tobacco product and inform the person in writing of the record.

**Notification of change in contact details**

6. (1) Any person whose registration is approved shall notify the Director General of any change in the name, address or other contact details of the person within fourteen days from the date of the change.

(2) Upon receiving the notification under subregulation (1), the Director General may require the person to furnish further information as the Director General deems necessary to ensure the accuracy of information kept in the register.

(3) The Director General may issue to the person a new registration document which reflects the change in the name, address or other contact details of the person if the Director General is satisfied that such issuance is necessary to avoid misrepresentation and confusion.

**Registration is not transferrable**

7. A registration or registration document issued is not a property and shall not be transferable or assignable.

## SCHEDULE

[Paragraph 2(2)(c)]

## CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH ACT 2024 [ACT 852]

## SUMMARY OF LABORATORY ANALYSIS REPORT

(1) No.	(2) Parameter analysis	(3) Particulars (unit)
<b>A. Product characteristic</b>		
1.	Filter rod*	mm
2.	Tipping width*	mm
3.	Rod length*	mm
4.	Rod diameter*	mm
5.	Filter ventilation*	%
6.	Plug wrap (porous/non-porous)*	cu
7.	Type and percentage of tobacco used **	%
8.	Net tobacco weight**	mg/stick
9.	Type of substitute tobacco product used ***	
10.	Net substitute tobacco product weight ***	mg/stick
11.	Special design/feature (such as charcoal filter, capsule, etc.)	
<b>B. Content</b>		
12.	Nicotine	mg/g (mg/ml)
13.	Ammonia	mg/g (mg/ml)
14.	Humectant	
	(a) Propylene glycol	mg/g (mg/ml)
	(b) Vegetable glycerol	mg/g (mg/ml)
	(c) Triethylene glycol	mg/g (mg/ml)
	(d) Propylene glycol: Vegetable glycerol ratio	
15.	Menthol	mg/g (mg/ml)
16.	Flavour/ Flavouring agent and its weight: (state chemical compound used, if any)	mg/g (mg/ml)
17.	Sugar (state chemical compound used, if any)	mg/g (mg/ml)
18.	Other chemical compound (state, if any)	mg/g (mg/ml)
<b>C. Emission</b>		
19.	Tar (not exceeding 10 mg/cig)	mg/cig
20.	Nicotine (not exceeding 1mg/cig)	mg/cig
21.	Carbon monoxide (not exceeding 10mg/cig)	mg/cig
22.	Tobacco-specific nitrosamines (TSNAs)	
	(a) N-nitrosornicotine (NNN)	ng/cig
	(b) 4-(methylnitrosamino)-1-(3-pyridyl)-1-butanone (NNK)	ng/cig
	(c) Other TSNAs (state, if any)	ng/cig
23.	Polycyclic aromatic hydrocarbons	

	(a) Benzo[a]pyrene	ng/cig
	(b) Other polycyclic aromatic hydrocarbons (state, if any)	ng/cig
24.	Aldehydes	
	(a) Acetaldehyde	µg/cig
	(b) Acrolein	µg/cig
	(c) Formaldehyde	µg/cig
	(d) Other Aldehydes (state, if any)	µg/cig
25.	Hydrocarbons	
	(a) Benzene	µg/cig
	(b) 1,3-butadiene	µg/cig
	(c) Other Hydrocarbons (state, if any)	µg/cig
26.	Other chemical compound (state, if any)	mg/cig (µg/cig) (ng/cig)
<b>D. Information on entity that prepares the laboratory analysis report</b>		
27.	Name of laboratory	
28.	Person who conducts the analysis	
29.	Person who verifies the outcome of analysis	
30.	Date of report	

\*Applicable to a tobacco product or substitute tobacco product in rod only

\*\*Applicable to a tobacco product only

\*\*\*Applicable to a substitute tobacco product only

Made 26 September 2024

[KKM.600-1/1/63 JLD3 (64); PN(PU2)770]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD  
*Minister of Health*